



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 15 November 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<b>Jumlah Pemimpin Wanita Di Malaysia Masih Rendah – Teo</b>  <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jumlah-pemimpin-wanita-di-malaysia-masih-rendah---teo-496376">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jumlah-pemimpin-wanita-di-malaysia-masih-rendah---teo-496376</a>  <a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2363447">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2363447</a>	Astro Awani  Bernama	Neutral
2.	<b>Wanita Hamil 8 Bulan, Anak Dilapor Hilang Ditemui Di KLIA</b>  <a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1323830/wanita-hamil-8-bulan-anak-dilapor-hilang-ditemui-di-klia">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1323830/wanita-hamil-8-bulan-anak-dilapor-hilang-ditemui-di-klia</a>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/696559/berita/semasa/wanita-hamil-anak-4-tahun-hilang-selepas-keluar-beli-makanan">https://www.sinarharian.com.my/article/696559/berita/semasa/wanita-hamil-anak-4-tahun-hilang-selepas-keluar-beli-makanan</a>	Berita Harian  Sinar Harian	Neutral
3.	<b>Kanak-Kanak 12 Tahun Sendirian Jaga Ibu Strok</b>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/696664/edisi/selangor-kl/kanak-kanak-12-tahun-sendirian-jaga-ibu-strok">https://www.sinarharian.com.my/article/696664/edisi/selangor-kl/kanak-kanak-12-tahun-sendirian-jaga-ibu-strok</a>  <a href="https://www.malaysiadateline.com/makan-minum-tidur-di-lantai-budak-12-tahun-jaga-ibu-terlantar-di-hospital-seorang-diri/">https://www.malaysiadateline.com/makan-minum-tidur-di-lantai-budak-12-tahun-jaga-ibu-terlantar-di-hospital-seorang-diri/</a>  <a href="https://lobakmerah.com/dia-tukarkan-lampin-lapkan-badan-remaja-12-tahun-jaga-ibu-kena-strok-di-hospital-undang-sebak/">https://lobakmerah.com/dia-tukarkan-lampin-lapkan-badan-remaja-12-tahun-jaga-ibu-kena-strok-di-hospital-undang-sebak/</a>	Sinar Harian  Malaysia Date Line  Lobak Merah	Neutral

4.	<p><b>Wanita Diperdaya Lebih RM200,000, Konon Terbabit Pengubahan Wang Haram</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1323674/wanita-diperdaya-lebih-rm200000-konon-terbabit-pengubahan-wang-haram">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1323674/wanita-diperdaya-lebih-rm200000-konon-terbabit-pengubahan-wang-haram</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1154859/wanita-rugi-lebih-rm200000-konon-terbabit-penggubahan-wang-haram">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1154859/wanita-rugi-lebih-rm200000-konon-terbabit-penggubahan-wang-haram</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral
5.	<p><b>Hidap Diabetes Sejak Usia 12 Tahun</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/11/14/hidap-diabetes-sejak-usia-12-tahun/">https://www.kosmo.com.my/2024/11/14/hidap-diabetes-sejak-usia-12-tahun/</a></p>	Kosmo	Neutral
6.	<p><b>Warga Emas Tinggal Di Rumah Dipenuhi Sampah Lebih Satu Tan</b></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/11/14/warga-emas-tinggal-di-rumah-dipenuhi-sampah-lebih-satu-tan/">https://malaysiagazette.com/2024/11/14/warga-emas-tinggal-di-rumah-dipenuhi-sampah-lebih-satu-tan/</a></p>	Malaysia Gazette	Neutral
7.	<p><b>Warga Emas Pengidap 'Demenntia' Hilang #Mgflash</b></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/11/15/warga-emas-pengidap-demenntia-hilang-mgflash/">https://malaysiagazette.com/2024/11/15/warga-emas-pengidap-demenntia-hilang-mgflash/</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/696676/berita/semas-a/bekas-guru-alami-demensia-hilang-sejak-isnin-lalu">https://www.sinarharian.com.my/article/696676/berita/semas-a/bekas-guru-alami-demensia-hilang-sejak-isnin-lalu</a></p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral
8.	<p><b>Warga Emas Rentung, Anak Dan Dua Cucu Selamat</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/696675/berita/semas-a/warga-emas-rentung-anak-dan-dua-cucu-selamat">https://www.sinarharian.com.my/article/696675/berita/semas-a/warga-emas-rentung-anak-dan-dua-cucu-selamat</a></p>	Sinar Harian	Neutral

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

## JUMLAH PEMIMPIN WANITA DI MALAYSIA MASIH RENDAH – TEO



Jumlah wanita yang menjadi Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan menteri di Malaysia masih rendah, kata Timbalan Menteri Komunikasi Teo Nie Ching. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Jumlah wanita yang menjadi Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan menteri di Malaysia masih rendah, kata Timbalan Menteri Komunikasi Teo Nie Ching.

Beliau berkata sudah tiba masanya untuk Malaysia mengambil tindakan lebih tegas dan proaktif bagi memastikan wanita mendapat tempat sewajarnya terutama dalam politik negara.

"Dengan peningkatan penyertaan wanita dalam politik, Malaysia akan dapat menikmati kepemimpinan yang lebih inklusif dan seimbang.

"Bagaimanapun, jika kita hendak menunggu cara dengan meletakkan wakil wanita sekurang-kurangnya 30 peratus dalam kepimpinan parti politik, proses ini dilihat agak perlahan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri forum Political Participation in Malaysia: Towards Equal Acces for Women to Political Mandates in Parliament and State Assemblies yang berlangsung di Kedutaan Jerman di sini hari ini.

Turut hadir Duta Besar Jerman Ke Malaysia Dr Peter Blomeyer.

Teo juga berkata parti politik harus mengambil inisiatif meletakkan sekurang-kurangnya 30 peratus calon wanita atau mewujudkan kerusi khas yang hanya boleh ditandingi oleh kaum hawa.

"Jika kita dapat melaksanakan pembaharuan elektoral, saya yakin kita dapat mencapai sasaran ini lebih cepat dan lebih efisien. Ini bukanlah sesuatu yang mustahil dan ia boleh dicapai di negara ini," katanya sambil menambah langkah itu terbukti berjaya di beberapa negara lain

## WANITA HAMIL 8 BULAN, ANAK DILAPOR HILANG DITEMUI DI KLIA



Laporan BH Online

KUANTAN: Wanita yang sarat mengandung lapan bulan bersama anak lelaki berusia empat tahun yang dilaporkan hilang selepas tidak pulang ke rumah mereka di Kampung Chendering, di sini semalam ditemukan selamat, hari ini.

Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Wan Mohd Zahari Wan Busu, berkata Nur Nadia Mohd Zakaria, 29 dan anaknya ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 2 petang.

"Ibu dan anak ditemukan dalam keadaan selamat oleh anggota polis KLIA dan kini berada di Balai Polis KLIA," katanya ketika dihubungi hari ini.

Terdahulu, polis meminta kerjasama orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan Nur Nadia bersama anak lelaki yang dilaporkan hilang semalam, melaporkan kepada polis.

Berdasarkan siasatan, Nur Nadia yang mempunyai sejarah 'anxiety' bersama anaknya keluar rumah menaiki kereta jenis Perodua Axia berwarna biru gelap dengan nombor pendaftaran CBW 1202.

Terdahulu media melaporkan kakak Nur Nadia, Adlin Mohd Zakaria, 36, berkata adik bongsu daripada enam beradik itu dikatakan ingin membeli makanan di sebuah pasar raya di Jalan Pintasan Kuantan, di sini pada jam 12 tengah hari.

Katanya, keluarganya menyedari kehilangannya selepas Nur Nadia dan anak lelaki, Aydan Noah Mohd Shahmi tidak pulang pada 5 petang dan ahli keluarga termasuk suami adik turut mencarinya.

"Bagaimanapun, adik dan anak saudara tidak ditemui termasuk kereta yang dipandunya. Kebetulan Nur Nadia tidak membawa telefon bimbit dan kami membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan malam tadi," katanya.

## KANAK-KANAK 12 TAHUN SENDIRIAN JAGA IBU STROK



Iman sentiasa memastikan ibunya berada dalam keadaan selesa dan tidak pernah mengeluh. Foto Tangkap layar TikTok @Norasni31

SHAH ALAM - Baru-baru ini tular rakaman video memaparkan seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun menjaga ibunya yang terlantar sakit di sebuah hospital di Pantai Timur.

Suri rumah, Norasni Mohd Noor, 39, berkata, dia memuat naik rakaman di laman sosial, TikTok untuk orang ramai menjadikan kisah itu sebagai pengajaran untuk terus berbakti kepada ibu bapa.

Menurutnya, menjaga orang yang sakit bukan satu tanggungjawab mudah, namun kanak-kanak berkenaan berjaya menggalasnya dengan baik.

“Saya begitu tertarik dengan Iman (kanak-kanak menjaga ibu yang sakit). Dia begitu matang berbanding usia, tidak seperti kanak-kanak sebaya usianya.

“Iman lakukan semua perkara daripada menukar lampin, lap badan, suap makanan dan sebagainya,” kata Norasni kepada Sinar Harian pada Khamis.

Menurut wanita itu, Iman merupakan seorang kanak-kanak yang berbudi bahasa dan hormat dengan orang tua.

Kata Norasni, Iman tidak pernah mengeluh sepanjang menjaga ibunya dan sentiasa peka akan kehendak ibunya.

“Ada satu ketika, cuaca begitu panas sehinggakan kami yang berada dalam wad turut berpeluh. Waktu itu, Iman terus membasahkan kain dan lap pada tubuh ibunya.

“Iman memang mengutamakan ibu dalam apa jua keadaan. Sepanjang lima hari di hospital ini, dia makan dan tidur di atas lantai. Dia tak pernah mengeluh,” ujarnya.

Ketika ditanya sama ada dia mengetahui latar belakang keluarga kecil itu atau tidak, Norasni berkata, Iman hanya dibesarkan oleh ibunya sendirian.

“Iman anak tunggal dan ibunya juga seorang ibu tunggal. Mereka hanya hidup berdua.

“Bagaimanapun, saya tengok ada juga saudara-mara yang datang untuk melawat ibu Iman. Alhamdulillah masih ada yang peduli,” jelasnya.

## **WANITA DIPERDAYA LEBIH RM200,000, KONON TERBABIT PENGUBAHAN WANG HARAM**

KOTA TINGGI: Seorang wanita kerugian lebih RM200,000 selepas menerima panggilan telefon kononnya dari sebuah syarikat penghantaran barang, Ogos lalu.

Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendan Yusof Othman, berkata wanita berusia 48 tahun itu membuat laporan polis kelmarin.

Katanya, suspek memaklumkan terdapat bungkusan dihantar mangsa dan mangsa menafikannya sebelum panggilan disambungkan kepada seorang lagi suspek mendakwa pegawai polis dan memaklumkan mangsa terbabit aktiviti pengubahan wang haram.

"Mangsa dikehendaki membantu siasatan dan diminta membuat pinjaman peribadi hampir RM250,000.

"Mangsa juga diarahkan melakukan pemindahan wang pada September hingga bulan lalu. Mangsa melakukan transaksi pemindahan wang ke dalam enam akaun bank dengan keseluruhan RM238,000," katanya dalam kenyataan hari ini.

Yusof berkata mangsa menyedari dirinya ditipu apabila suspek tidak memberikan sebarang maklum balas berhubung penyelesaian tuduhan pengubahan wang haram yang dikenakan ke atasnya walaupun telah membuat pembayaran.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

## **WARGA EMAS RENTUNG, ANAK DAN DUA CUCU SELAMAT**



Kebakaran melibatkan dua rumah di Kampung Muhibbah di sini pada awal pagi Jumaat. Foto ihsan JBPM

RANAU - Seorang wanita warga emas ditemukan rentung dalam kejadian kebakaran melibatkan dua rumah di Kampung Muhibbah di sini pada awal pagi Jumaat.

Dalam kejadian kira-kira jam 1 pagi itu, Wong Ling Ying, 74, ditemukan di bahagian dapur salah sebuah rumah yang terbakar.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Ranau, Ridwan Mohd Taib berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian itu pada jam 1.20 pagi dan sembilan anggota bomba dikejarkan ke lokasi.

"Kebakaran tersebut melibatkan dua rumah jenis kekal dan dua kenderaan. Operasi memadamkan api segera dilakukan dengan menggunakan sumber air dari jentera dan pili bomba berdekatan.

"Mayat mangsa ditemui pada jam 3.20 pagi," katanya ketika dihubungi Sinar Harian pada Jumaat.

Katanya lagi, ketika kejadian terdapat empat penghuni di dalam rumah tersebut termasuk mangsa yang rentung.

"Ketika kejadian, mangsa bersama anak perempuannya berusia 48 tahun dan dua cucu masing-masing lelaki berusia 11 tahun dan perempuan berusia sembilan tahun, tetapi mangsa dipercayai tidak sempat menyelamatkan diri sebelum ditemukan rentung.

"Mayat mangsa kemudian diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Ridwan berkata, operasi kemudian ditamatkan pada jam 4.14 pagi selepas pihaknya memastikan lokasi kejadian selamat.